

## Meraikan Kepelbagaian Budaya dan Menyerlahkan Kemahiran Keusahawanan melalui Aplikasi Dunia Nyata

Pelajar KLMUC dari Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan Menganjurkan  
Program Yes 3.0 di Sabah

**Sabah, 17 November 2016-** Sebagai sebahagian daripada usaha institusi menghidupkan moto 'Aplikasi Dunia Nyata', pelajar-pelajar dari Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC), di bawah Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan menganjurkan program *Youth Entrepreneurship & Social Responsibility Program (YES 3.0)*, dari 9 November hingga 13 November. Program lima hari ini memaparkan pelbagai aktiviti yang menarik dan berwawasan, di mana ia bertujuan untuk menerapkan pengalaman keusahawanan dan meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab sosial di kalangan pelajar.

Pelajar-pelajar yang dibawa ke Kampung Kaung, Kota Belud merupakan ahli Kelab Keusahawanan, sebuah kelab yang dikendalikan oleh Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan. Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan termasuklah lawatan ke Ladang Lembu (Desa Cattle Dairy Farm), mendaki dan menjelajahi hutan, melakukan khidmat komuniti seperti menuai tanaman dan membersihkan Sungai Kedamaian.

Aktiviti yang paling menarik adalah lawatan ke Pasar Kampung Pekan Nabalu, di mana pelajar-pelajar membantu usahawan tempatan menjalankan perniagaan, dari penjualan produk sehinggalah pengurusan gerai dan kedai kecil.

Ketua Program, Norhafizah binti Abdul Hamid dari program Teknologi Maklumat dari Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan berkata, 'Saya sangat teruja kerana diberi peluang untuk melawat Sabah sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran secara praktikal. Pada masa yang sama, saya boleh belajar menjadi warga yang prihatin dengan berkhidmat kepada masyarakat melalui beberapa aktiviti yang kami jalankan.'

Saya sentiasa kagum dengan keindahan Sabah dan kepelbagaian budayanya, saya gembira berkongsi pengalaman ini bersama rakan sekelas dan teman-teman yang lain.

Aktiviti kebudayaan juga diterapkan di dalam program ini seperti aktiviti Rewang, di mana pelajar dan penduduk kampung bergotong-royong menyediakan makanan. Tarian dan persembahan juga turut diadakan bagi memaparkan kepelbagaian budaya orang-orang Kadazan Dusun, iaitu populasi terbesar di Kampung Kaung.

Pelajar antarabangsa Opeyemi Olajide Adebisi dari program Teknologi Maklumat di bawah Fakulti Pengurusan dan Teknologi Perniagaan pula berkata, “Sebagai pelajar antarabangsa di KLMUC, saya gembira diberikan peluang untuk mempelajari pelbagai bangsa dan budaya, terutamanya di Kampung Kaung, orang-orang Kadazan Dusun sangat peramah dan mengalu-alukan kedatangan kami. Saya juga dapat mengaplikasikan kemahiran keusahawanan yang dipelajari di KLMUC melalui beberapa aktiviti di sini. Inilah yang menarik tentang KLMUC, pelajar diberi peluang untuk menerokai dunia luar melalui ‘Aplikasi Dunia Nyata’.

Program ini diakhiri dengan makan malam BBQ dan lawatan ke pasar Filipina yang terkenal dengan produk-produk tempatan termasuklah barang kemas, kraftangan dan makanan istimewa Sabah.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti-aktiviti pelajar KLMUC atau program-program yang ditawarkan, sila kunjungi <http://klmuc.edu.my/>.

**TAMAT**

### **Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 40 program di bawah 4 fakulti dan satu pusat. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)

### **Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff

Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my